

MAKLUMAN BERKENAAN PENGGUNAAN SISTEM FOSIM DALAM PELAKSANAAN SESI LATIHAN PENGENDALI MAKANAN

Sebagaimana yang tuan/puan sedia maklum, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaksanakan sistem pengkalan data yang baharu iaitu Food Safety Information of Malaysia (FoSIM) bagi menggantikan penggunaan sistem Fosim Domestik (FoHTIS). Melalui penggunaan sistem baharu ini, proses penetapan no siri sijil kursus Latihan Pengendali Makanan (LPM) adalah dijana sepenuhnya oleh sistem FOSIM yang bertujuan meningkatkan ciri keselamatan dan mengelakkan penipuan serta penyalahgunaan sijil LPM. Sehubungan itu, pihak Sekolah Latihan Pengendali Makanan (SLPM) hendaklah menggunakan nombor siri yang dijana oleh sistem FOSIM ini untuk cetakan sijil kehadiran LPM berkuatkuasa 1 Ogos 2021. Selaras dengan ini, penetapan no siri sijil LPM berdasarkan format di dalam Garis Panduan Skim Akreditasi Program Latihan Pengendali Makanan iaitu LPM 00000 (bahagian atas kanan sijil) adalah tidak terpakai. Tuan/Puan boleh merujuk Lampiran 1 untuk ilustrasi nombor siri pada sijil tersebut. Format baru bagi nombor sijil LPM adalah seperti berikut SLxxxxx-LPxxxxxxxx. Melalui penggunaan sepenuhnya sistem ini dalam urusan pelaksanaan LPM, adalah dimaklumkan juga bahawa pihak SLPM tidak perlu menghantar reten bulanan kepada pihak Jabatan Kesihatan Negeri sebagaimana yang dinyatakan dalam garis panduan yang sama. Hal ini kerana semua maklumat pelaksanaan LPM dan peserta dapat di akses melalui sistem ini. Oleh itu, pihak SLPM perlu memastikan maklumat yang di muat naik ke dalam sistem adalah tepat dan benar. Kerjasama tuan/puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan di dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Lampiran 1

SLPM perlu menggantikan format Kod SLPM serta Tarikh tamat (**/X/0000 - AA/BB/CCCC**) dan nombor siri (**LPM0000000**) sedia ada dengan format nombor siri yang dijana oleh sistem.

Ilustrasi Format Sijil Kehadiran Kursus Latihan Pengendali Makanan
mengikut **Garis Panduan sedia ada**

A/X/0000 - AA/BB/CCCC	LPM 0000000 ←
LOGO SLPM	
NAMA SEKOLAH LATIHAN PENGENDALI MAKANAN (Cawangan SLPM)	
Sekolah Latihan Pengendali Makanan Yang Diiktiraf Oleh	
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	
SIJIL KEHADIRAN	
Dengan ini disahkan bahawa	
NAMA PESERTA (No. Kad Pengenalan / No. Passport)	
Telah menghadiri dengan jayanya	
KURSUS LATIHAN PENGENDALI MAKANAN	
Pada	
TARIKH	
Bertempat di	
ALAMAT BILIK LATIHAN YANG DIGUNAKAN/ DALAM TAIAN (ON-LINE)	
Tandatangan Tenaga Pengajar	
COP LOGO / NAMA & ALAMAT	Nama Tenaga Pengajar : No. Sijil Tenaga Pengajar :

Format No Siri sedia ada yang perlu di tukar dengan no siri yang dijana dari sistem Fosim

SLPM perlu menggantikan format nombor siri (**SLXXXXX - LPXXXXXXXX**) yang dijana oleh sistem.

Ilustrasi Format Sijil Kehadiran Kursus Latihan Pengendali Makanan **terkini**.

SLXXXXX - LPXXXXXXXX	
LOGO SLPM	
NAMA SEKOLAH LATIHAN PENGENDALI MAKANAN (Cawangan SLPM)	
Sekolah Latihan Pengendali Makanan Yang Diiktiraf oleh	
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	
SIJIL KEHADIRAN	
Dengan ini disahkan bahawa	
NAMA PESERTA (No. Kad Pengenalan / No. Passport)	
Telah menghadiri dengan jayanya	
KURSUS LATIHAN PENGENDALI MAKANAN	
Pada	
TARIKH	
Bertempat di	
ALAMAT BILIK LATIHAN YANG DIGUNAKAN/ DALAM TAIAN (ON-LINE)	
Tandatangan Tenaga Pengajar:	
COP LOGO / NAMA & ALAMAT	Nama Tenaga Pengajar : No. Sijil Tenaga Pengajar: